

06/10/1999

Malaysia bertuah kerajaan kuat: PM

Saodi Mat Atar in Victoria Falls (Zimbabwe)

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), Selasa - Malaysia bertuah kerana mempunyai kerajaan yang kuat bagi membolehkan ekonomi negara diurus dengan cara sendiri, sekali gus memberi kesejahteraan kepada rakyatnya.

Kekuatan yang didokongi rakyat bersatu padu itu membantu negara memiliki kestabilan politik sekali gus kerajaan boleh menumpukan kepada usaha memastikan perancangan termasuk pengagihan kekayaan dilakukan secara adil.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kekuatan dimiliki kerajaan juga membolehkan negara menangkis ancaman luar dan membaiki kesilapan bagi membangun dengan lebih teratur.

"Kita juga dikritik dan oleh kerana kerajaan kita kuat, kita mampu membaiki kesilapan sebelum mencapai kejayaan sepanjang hampir tiga dekad lalu," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia di sini, lewat malam tadi.

Beliau membandingkan keadaan itu dengan negara di Selatan Afrika yang sukar membangun dan mengagihkan kekayaan kepada kaum pribumi disebabkan kerajaannya secara demokrasi, mudah diserang pelbagai pihak.

Terdahulu, beliau menyampaikan ucapan di Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) '99 di perkhemahan di tebing Sungai Zambezi yang dihadiri ketua-ketua kerajaan negara Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC), negara jirannya dan ahli perniagaan serantau.

Perdana Menteri diberi penghormatan apabila semua tetamu berdiri ketika beliau dijemput bagi menyampaikan ucapan bertajuk 'Pengalaman Malaysia Mengurus Pemulihan Ekonomi Sambil Melindungi Tanggungjawab Sosio Ekonomi', pada hari kedua dialog itu.

Sesungguhnya pencapaian dan pengalaman Malaysia itu menjadi model kepada peserta dialog kerana negara masing-masing sedang berusaha membangunkan ekonomi yang ketika ini menghadapi tekanan termasuk dari luar.

Dalam ucapannya Perdana Menteri menghuraikan bagaimana Malaysia mewujudkan program tindakan termasuk membentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menyusun semula masyarakat akibat jurang perbezaan meluas di antara kaum Bumiputera berbanding peniaga Cina dalam kegiatan ekonomi.

Ucapan kira-kira sejam itu meliputi kaedah dan strategi Malaysia sehingga mencapai kemakmuran sejak hampir tiga dekad lalu, khusus diminta negara peserta Said berikutan Malaysia mampu mengurus pengagihan kekayaan di kalangan pelbagai kaum.

Ditanya apakah negara Selatan Afrika mampu mengikut jejak Malaysia, Dr Mahathir berkata, keadaan di sini berbeza kerana kerajaannya sentiasa ditekan termasuk oleh pembangkang dan media.

"Mereka sebagai kerajaan demokrasi tidak cukup kuat dan selalu diserang. Apa saja yang mereka ingin lakukan, mereka diserang termasuk oleh pembangkang.

"Kita bertuah kerana kerajaan kita kuat dan mampu melepasi halangan. Kalau ada kesilapan kita dapat baiki dalam tempoh tertentu. Di sini, jika mereka (kerajaan) buat kesilapan, mereka mungkin tidak kekal sebagai kerajaan," katanya.

Begitupun, Dr Mahathir menasihatkan rakan-rakannya di negara Selatan Afrika agar memulakan langkah dan bersedia dari kesilapan kerana Malaysia juga dahulu memulakan programnya dalam keadaan Bumiputera serba kekurangan.

"Kita (Malaysia) juga mempunyai masalah ketika memulakan rancangan memajukan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Bila kita wujudkan Perbadanan

Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), ia bersaing dengan Bumiputera.

"Pada peringkat awal itu, banyak kesilapan dilakukan. Tapi kita belajar dan baiki kesilapan itu," katanya.

Perdana Menteri turut memberitahu satu dari sesi perbincangannya mengenai bagaimana Malaysia mewujudkan saham amanah menerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerajaan perlu memulakan modal awalnya.

Bagaimanapun, menyedari keupayaan negara terbabit terhad disebabkan tekanan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana bebanan hutang, beliau menyarankan mereka memulakan kerjasama dalam satu bidang sebagai percubaan.

Katanya, negara Selatan Afrika perlu berusaha untuk bekerjasama dalam bidang pelancongan berikutan produk seperti taman hidupan liar (safari) adalah merentasi sempadan membabitkan beberapa negeri.

"Memanglah sukar bagi mereka untuk berganding bahu kerana perbezaan dari segi kemampuan dan pertumbuhan ekonomi. Tapi mereka perlu mencuba satu bidang, dan apabila berjaya, ia boleh diperluaskan ke bidang lain," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dan Presiden Ghana, Jerry Rawlings sempat mengadakan pertemuan dua hala petang semalam dengan Ghana mempelawa lebih banyak pelaburan Malaysia ke negaranya.

Rawlings menyatakan pelaburan Malaysia di Ghana berjalan lancar dan beliau ingin melihat lebih banyak pelaburan di taman perindustrian yang dibangunkan syarikat dari Malaysia, Business Focus.

Dr Mahathir berlepas pulang hari ini selepas menghadiri sesi mengenai global 2000 ketika sarapan pagi dan menjadi pemudahcara bagi satu daripada perbincangan pada hari terakhir dialog itu.

(END)